



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**SELASA / 8 DISEMBER 2020**

- 1. PEKEBUN KECIL RISDA, LIGS TERIMA BANTUAN MUSIM TENGGUJUH -  
BERITA HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**

## Pekebun kecil RISDA, LIGS terima bantuan musim tengkujuh

**Kuala Lumpur:** Seramai 237,207 pekebun kecil Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan 61,763 pekebun kecil Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) menerima Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) membatik peruntukan RM201 juta.

Pengerusi RISDA, Datuk Mohd Salim Mohd Sharif, berkata kadar bantuan RM600 seorang itu dimasukkan ke akaun penerima yang berdaftar melalui dua peringkat iaitu RM300 mulai semalam dan baki pada Januari depan.

"Kerajaan memperuntukkan RM201 juta pada Belanjawan 2020 untuk BMT kepada pekebun kecil RISDA dan LIGS. Daripada 237,207 pekebun kecil RISDA, seramai 202,717 pekebun kecil atau kira-kira 85 peratus sudah menerima bantuan itu hari ini (semalam).

"Bagi baki 15 peratus lagi atau seramai 34,490 pekebun kecil, bantuan terbabit akan disalurkan pada minggu depan.

"Pekebun kecil dan penoreh getah yang berdaftar dengan RISDA dan mengusahakan kebun getah


dengan jumlah keseluruhan milikan tanah tidak melebihi 2.5 hektar, layak menerima bantuan ini yang diberikan kepada satu lot penerima saja sama ada pekebun kecil atau penoreh," katanya pada sidang media selepas mengumumkan pengagihan bantuan terbabit di Pusat Media Parlimen, semalam.

Mohd Salim yang juga Ahli Parlimen Jempol, berkata Sarawak adalah penerima paling ramai iaitu seramai 58,048 orang diikuti Kelantan (49,328) dan Kedah seramai 45,297 orang.

Katanya, bantuan terbabit antara usaha dan keprihatinan kerajaan mengurangkan beban pekebun kecil yang menghadapi penurunan produktiviti akibat musim tengkujuh.

Justeru, beliau berkata, permohonan untuk mendapatkan bantuan terbabit masih dibuka sehingga 31 Disember ini.

"BMT ini memberi manfaat kepada ribuan pekebun kecil dan penoreh getah dalam kumpulan isi rumah berpendapatan rendah yang sangat terkesan apabila me-



**Kerajaan memperuntukkan RM201 juta** dalam Belanjawan 2020 untuk BMT kepada pekebun kecil RISDA dan LIGS yang terus dikreditkan ke dalam akaun penerima. (Foto hiasan)



**Bantuan terbabit antara usaha dan keprihatinan kerajaan mengurangkan beban pekebun kecil yang menghadapi penurunan produktiviti akibat musim tengkujuh.**

**Mohd Salim Mohd Sharif,**  
Pengerusi RISDA

reka kehilangan punca pendapatan pada musim tengkujuh.

"Malah sebagai kerajaan yang prihatin, kerajaan juga sudah menyatakan komitmen akan menurunkan BMT untuk tahun depan," katanya.

Mengenai bantuan itu mencukupi untuk membantu pekebun

kecil yang terkesan. Mohd Salim berkata, pihaknya sentiasa komited membantu golongan berkenaan menerusi pelbagai aktiviti ekonomi tambahan.

Beliau berkata, peruntukan diumumkan ini adalah daripada Belanjawan 2020, malah dalam Belanjawan 2021, bantuan akan di-

teruskan, selain ada banyak lagi pakej membantu pekebun kecil ini seperti diperuntukkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFPI).

"Namun, sudah pasti mereka tidak boleh hanya bergantung kepada menoreh getah saja dan kebanyakan golongan ini terbabit dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti perusahaan ke-repek serta mee, malah ada juga yang menghasilkan produk kosmetik dan mengusahakan spa.

"Menerusi aktiviti ekonomi tambahan itu, RISDA membantu menyalurkan bantuan seperti peruntukan RM20,000 bagi perolehan peralatan dan sebagainya. Peruntukan ini kepada mereka yang sudah menceburi bidang perniagaan terbabit, bukan untuk yang baru nak berniaga," katanya.